

PM minta media buat laporan tepat

UM - 8 DEC 2001

KUALA LUMPUR 7 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta pihak media supaya membuat laporan yang tepat dan tidak mensensasikan berita yang disiarkan.

Katanya, Majlis Tertinggi (MT) UMNO hampa dengan cara liputan media terhadap kenaikan harga minyak dan kadar tol yang menurut Dr. Mahathir lebih bercorak untuk membangkitkan perasaan rakyat.

Perdana Menteri berkata, terdapat laporan yang menjadikan seseorang yang belum didapati bersalah oleh mahkamah sebagai penjenayah dan tindakan itu adalah tidak adil selain memalukan orang yang berkeenaan.

"Kita belum lagi dapat menentukan salah atau pun tidak salah seseorang tetapi dilapor seolah-olah seorang itu telah menjadi penjenayah.

"Jadi ini adalah tidak adil kepada orang yang berkeenaan dan ia memalukan orang-orang yang tertentu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT UMNO di Ibu Pejabat UMNO di sini, hari ini.

Dr. Mahathir turut kesal terhadap laporan yang mendakwa kononnya ada wakil senator meminta elaun tiga kali ganda daripada yang diperoleh sekarang.

Menurut Dr. Mahathir, senator berkeenaan sebenarnya bukan meminta elaun untuk dirinya tetapi peruntukan untuk dibelanjakan bagi orang ramai.

Ditanya sama ada isu penyelewengan Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) dibincangkan pada mesyuarat itu, beliau berkata, undang-undang negara menetapkan seseorang itu tidak bersalah selagi tidak dibuktikan bersalah oleh mahkamah.

"Jadi kalau kita awal-awal lagi buat keputusan seseorang itu ber-

salah, mungkin ia akan menganiaya orang berkeenaan," katanya.

Jelas Dr. Mahathir, hal yang sama juga ditegaskan dalam Prinsip Undang-Undang Lazim Britain yang menjadi ikutan Malaysia.

Sementara itu, Perdana Menteri turut ditanya mengenai pelantikan Peguam Negara, Datuk Abdul Gani Patail yang menggantikan Datuk Seri Ainum Mohd Saaid.

Katanya, pelantikan itu akan berkuat kuasa selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Selain itu, Perdana Menteri memberitahu, mesyuarat turut ber-setuju untuk memberi penghargaan atas sumbangan dan perkhidmatan Almarhum Seri Paduka Baginda Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

"MT akan mengutus surat kepada anak sulung Almarhum, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang akan ditandatangani oleh Presiden," katanya.